


Tek. am: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL. CMD. JKM.(S)100-4/41

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Tarikh : 03 Jun 2013

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran

Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 02/2013
PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI SABAH UNTUK
ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI**

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk merasionalisasi, menyelaras dan meminda beberapa peraturan pengurusan kenderaan kerajaan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah bil. 2/2005 Pengurusan Kenderaan Kerajaan Negeri.

2. LATARBELAKANG

2.1 Dalam usaha untuk mendokong dasar perbelanjaan berhemat Kerajaan, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2005 telah dikeluarkan bagi mewujudkan pendekatan dan peraturan-peraturan baru ke atas pengurusan kenderaan Kerajaan. Bagaimanapun perkembangan dan perubahan-perubahan yang berlaku telah mewujudkan keperluan bagi mengkaji semula beberapa perkara untuk diperkemas dan diperbaiki supaya Pekeliling tersebut lebih jelas dan responsif kepada kehendak perkhidmatan semasa.

3. PENGURUSAN KENDERAAN

3.1 Pengurusan kenderaan Kerajaan kini diletakkan dibawah tanggungjawab Jawatankuasa Induk Pengurusan Kenderaan Negeri (Jawatankuasa Induk) yang dianggotai seperti berikut:-

- Pengerusi - Setiausaha Kerajaan Negeri.
- Timbalan Pengerusi - Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan.
- Ahli-ahli - Pengarah Jabatan Kerja Raya.
- Bendahari Negeri.
- Ahli *Co-opted* (jika diperlukan).
- Urusetia - Kementerian Kewangan.

3.2 Terma-terma rujukan dan aspek-aspek pengurusan kenderaan Anggota Pentadbiran Negeri di bawah Jawatankuasa Induk meliputi perkara-perkara berikut:-

- i. Kelayakan kemudahan kenderaan khas;
- ii. Penetapan jenis-jenis kenderaan;
- iii. Perkara-perkara lain yang berkaitan.

4. KELAYAKAN KEMUDAHAN KENDERAAN KHAS

4.1 Anggota Pentadbiran Negeri adalah layak diperuntukkan kenderaan khas iaitu Ketua Menteri, Speaker Dewan Undangan Negeri, Timbalan Ketua Menteri, Menteri, Timbalan Speaker dan Pembantu Menteri.

5. PENETAPAN JENIS-JENIS KENDERAAN

5.1 Jenis Kenderaan Khas Anggota Pentadbiran Negeri di para 4.1 adalah seperti **Jadual 1** berikut:-

Jadual 1

| Anggota Pentadbiran Negeri | Kelayakan Kenderaan Khas |
|---|--|
| Ketua Menteri | Sebuah kenderaan Saloon jenis Eksekutif atau terbuka Sebuah Pacuan 4 Roda, Automatik jenis istimewa |
| Speaker, Timbalan Ketua Menteri dan Menteri | Sebuah kenderaan Saloon jenis Eksekutif (setara dengan jenis Volvo S80) Sebuah Pacuan 4 Roda Automatik (standard) |
| Timbalan Speaker dan Pembantu Menteri | Sebuah kenderaan Saloon jenis Eksekutif Automatik (tidak melebihi 2,500 c.c.) Atau Sebuah Pacuan 4 Roda Standard (setara dengan Toyota Fortuner 2.7 Automatik) |

6. PENJUALAN KENDERAAN KERAJAAN

6.1 Penjualan Kenderaan Khas

- 6.1.1 Anggota Pentadbiran Negeri adalah dibenarkan untuk membeli kenderaan yang diperuntukkan kepada mereka dibawah **Jadual 1** apabila tamat tempoh perkhidmatan. Umur kenderaan adalah dikira pada tarikh tamat tempoh perkhidmatan.
- 6.1.2 Pembelian kenderaan daripada Anggota Pentadbiran Negeri hanya dibenarkan sekali dalam keseluruhan tempoh perkhidmatan dengan kerajaan.
- 6.1.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan disalinkan kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya.
- 6.1.4 Kelayakan dibawah para 6.1.1 akan terbatal apabila Anggota Pentadbiran Negeri meletakkan jawatan.

6.1.5 Pembelian kenderaan khas berkenaan hendaklah dibayar sekaligus dan bayaran secara ansuran tidak dibenarkan.

6.1.6 Harga jualan:-

Jadual 2

| Bil. | Umur Kenderaan | Harga Jualan |
|-------------|---|------------------------------------|
| i. | Kenderaan berumur 1 tahun ke atas tetapi kurang dari 2 tahun. | 75% harga pembelian oleh Kerajaan. |
| ii. | Kenderaan berumur 2 tahun ke atas tetapi kurang dari 3 tahun. | 55% harga pembelian oleh Kerajaan. |
| iii. | Kenderaan berumur 3 tahun ke atas tetapi kurang dari 4 tahun. | 40% harga pembelian oleh Kerajaan |
| iv. | Kenderaan berumur 4 tahun ke atas tetapi kurang dari 5 tahun. | 30% harga pembelian oleh Kerajaan |

7. PERATURAN-PERATURAN AM

7.1 Penggunaan Kenderaan

7.1.1 Penggunaan semua kenderaan jenis limousin/saloon adalah tidak dibenarkan untuk pergi ke kawasan kerja luar daerah.

7.2 Lambang dan Logo

7.2.1 Semua kenderaan yang diperuntukkan khas hendaklah menggunakan Pelekat (sticker) Lambang Negeri yang dilekat dicermin hadapan sebelah kanan berukuran seperti berikut:-

a. Lambang Negeri (sticker) – Lebar 3cm dan Tinggi 6½cm

7.3 Pemasangan Alat-Alat Tambahan/Aksesori

Sebarang pengubahsuaian dan pemasangan alat-alat tambahan/aksesori adalah tidak dibenarkan kecuali bagi tujuan keselamatan dan disahkan oleh Jabatan Kerja Raya serta mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

7.4 Penyelenggaraan

7.4.1 Pemandu Anggota Pentadbiran Negeri hendaklah memastikan kenderaan khas sentiasa diselenggara dengan betul dengan memberitahu Jabatan Kerja Raya mengenai keperluan kenderaan untuk diperiksa, diselenggara dan

dibaiki. Kerajaan menanggung kos penyelenggaraan kenderaan khas termasuk membekal minyak pelincir, alat-alat ganti dan pembaikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menuntut perbelanjaan atau kerugian daripada pemandu sekiranya didapati dan diperakukan bahawa sesuatu kerugian itu berlaku atas sebab kecuaiannya pemandu kenderaan berkenaan.

7.4.2 Rekod log book (PVR dan PVR3) hendaklah sentiasa dikemaskini bagi semua kenderaan.

7.5 Pemandu Kenderaan

7.5.1 Kerajaan Negeri memperuntukkan pemandu kenderaan kepada Anggota Pentadbiran Negeri.

7.5.2 Isteri, suami, anggota keluarga atau rakan-rakan Anggota Pentadbiran Negeri tidak dibenarkan memandu kenderaan yang diperuntukkan.

8. MINYAK PETROL/DIESEL

8.1 Kos minyak petrol/diesel bagi Anggota Pentadbiran Negeri akan ditanggung oleh Kerajaan untuk semua urusan.

9. PERLINDUNGAN INSURANS

9.1 Kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri tidak diinsurankan. Kerajaan Negeri akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan kerugian daripada pihak ketiga bersabit dengan kemalangan kenderaan yang berpunca daripada kesalahan Anggota Pentadbiran Negeri itu sendiri atau pemandu, tertakluk kepada kegunaan rasmi kenderaan seperti di dalam perenggan 7.1 mengenai:-

- i. kecederaan, atau
- ii. kematian seseorang, atau
- iii. bayaran gantirugi ke atas kerosakan harta benda seseorang.

10. REKOD KENDERAAN

10.1 Kementerian/Pejabat Anggota Pentadbiran Negeri dikehendaki mengemukakan rekod kenderaan tidak lewat dari 31 Januari setiap tahun kepada Kementerian Kewangan dengan memberi kenyataan seperti berikut:-

- i. Jenis kenderaan dan kuasa muatannya.
- ii. Nombor daftar kenderaan.
- iii. Tarikh kenderaan dibeli.
- iv. Harga pembelian kenderaan.
- v. Alat-alat kelengkapan yang disediakan.
- vi. Keterangan mengenai Anggota Pentadbiran Negeri:-
 - a. Kementerian/Pejabat.
 - b. Nama Anggota Pentadbiran Negeri dan jawatan.

10.2 Format ini perlu dibuat apabila membeli kenderaan baru atau apabila Anggota Pentadbiran Negeri berpindah ke Kementerian/pejabat baru atau apabila kenderaan khas itu diperuntukkan kepada anggota lain.

10.3 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9/2010 (Rujukan KEW(S)300-1/1/1 Klt.18/) Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan bertarikh 26/10/2010 hendaklah dipatuhi. Seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling tersebut semua Kementerian dan Pejabat hendaklah merekodkan kenderaan masing-masing dalam borang-borang berikut:-

- i. Daftar Harga Modal (KEW.PA2 – Bahagian A & B)
- ii. Butiran dan data-data mengenai kenderaan termasuk penambahan, penggantian dan naiktaraf.
- iii. Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori (KEW.PA6)
- iv. Catatan mengenai perpindahan kenderaan.
- v. Daftar Penyelenggaraan Harta Modal (Borang KEW.PA-14).

10.4 Bagi memastikan rekod kenderaan terkawal, perkara-perkara berikut tidak dibenarkan tanpa kelulusan Jawatankuasa Iriduk:-

- i. Anggota Pentadbiran Negeri yang berpindah membawa kenderaan khas ke Kementerian/Pejabat baru;
- ii. Meminjamkan atau menempatkan kenderaan ke Jabatan lain dalam satu Kementerian atau dari satu Kementerian/Jabatan ke Kementerian/Jabatan lain.

11. TARIKH BERKUATKUASA

- 11.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.
- 11.2 Surat Pekeliling Jabatan Ketua Menteri bil: CMD.504/39/16 PT.II bertarikh 17 Februari 1987, bil: CMD.C.504/39/1 Pt.II bertarikh 18 Julai 1989, Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/2005 Pengurusan Kenderaan Kerajaan Negeri bertarikh 29 Mac 2005 dan Surat Pekeliling Jabatan Ketua Menteri bil: CMD.JKM/TSKN:100-4/4 bertarikh 23 Mac 2006 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 03 Jun 2013

s.k. Pengarah
Jabatan Audit Negara Malaysia Cawangan Negeri Sabah
Blok A, Aras 4
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman, Likas
88450 KOTA KINABALU

“ Pengarah,
Jabatan Kerja Raya,
Ibu Pejabat,
88582 KOTA KINABALU.

“ Bendahari Negeri,
Jabatan Bendahari Negeri,
Wisma Kewangan,
KOTA KINABALU.